

Dr M: Kita tidak dapat bersaing dengan negara2 lain di bidang niaga

KECEKAPAN PEKERJA DITINGKATKAN

KEPALA BATAS (Seberang Perai), Sabtu — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyatakan perubahan tersebut patut menjadi satu pergerakan orang ramai.

"Kita mahu UMNO menjadi satu pergerakan orang ramai untuk membolehkan UMNO berkhidmat dengan lebih gigih kepada semua rakyat di negara ini," tegas Perdana Menteri merasmikan pertandingan perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas, di Dewan Sekolah Menengah Dairatul Ma'arifli Wataniah.

UMNO kini, terang beliau, mempunyai 750,000 ahli, tidak termasuk ribuan lagi penyokong parti. "Dan sebilangnya semakin bertambah dengan adanya ahli-ahli baru di semua peringkat juga meraka dari PAS yang patut diserapkan ke dalam UMNO."

"Ini adalah mereka sanggup menjunggi perimbangan dan perjuangan UMNO serta berganding bahu untuk kepentingan dan kemajuan negara kita," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri lagi UMNO adalah tunjang parti Barisan Nasional yang memercitah yang juga mewarisi Parti Perikatan.

"Adanya UMNO menjadi sebuah parti politik yang terbesar dan stabil ialah kerana ahli-ahlinya mempunyai minat dan semangat perjuangan yang tinggi dalam bidang politik yang teratur."

"Tidak ada sebuah parti yang terbesar seperti UMNO walaupun di negara yang demokratik seperti Britain."

Menurut beliau lagi, kegigihan parti Barisan Nasional yang membawa

Oleh KAMIS AHMAD

kemajuan di seluruh negara serta meningkatkan kestabilan politik, mengkatumkan negara-negara luar.

"Malaysia adalah negara yang aman dan damai. Ini kerana adanya dasar negara yang tidak berubah dengan secara radikal."

Kecadaan politik yang stabil ini, kata beliau, meyakinkan para pelabur melaburkan jutaan ringgit di Malaysia yang kemudiannya mereka dapat menunggui balik wang yang diaburkan itu.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sedang mengambil beberapa langkah yang lebih berkesan untuk meningkatkan lagi kecekapan tenaga pekerja untuk membolehkan negara bersaing dengan negara-negara lain di bidang perniagaan.

"Kita tidak dapat bersaing kerana pekerja kita tidak begitu cekap," tegasnya.

Terdahulu dari ini, Perdana Menteri bersama isterinya, Datu Seri Dr Siti Hasmah Ali, disambuti oleh Ke-

tua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu dan Puan Lim Suetibanya meraka di Lapangan Terbang Mata Kucing, Butterworth.

Pemimpin-pemimpin UMNO Negeri juga turut hadir.

Sedia menunggui kelibasan Datuk Seri Dr Mahathir di Sekolah Menengah Dairatul Ma'arifli Wataniah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, ahli-ahli UMNO dan penduduk tempatan.

Sekolah Dairatul Ma'arifli Wataniah telah menempa sejarah dalam tahun 1982 dalam mana perjuangan Melayu, Allahyarham Dato Onn Jaafar mengetuai perhimpunan "Arakasa, menentang Malayan Union di utara Semenanjung."

Dalam tahun 1948, Dato Onn juga menghadiri perhimpunan seramai 15,000 pemuda UMNO berbaris berpakaian seragam putih bagi kali pertama untuk memerdekakan negara.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, menghadihkan tongkat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Hadiah itu disampaikan Ketua Perdana Menteri merasmikan per-

sidangan perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas di Dewan Sekolah Menengah Dairatul Ma'arifli Wataniah, Kepala Batas, Butterworth. Ketua Menteri, Dr. Lim Chong

Eu, dan Puan Lim serta pemimpin-pemimpin UMNO negeri turut menyambut Perdana Menteri dan isterinya, Datu Seri Dr. Siti Hasmah, di Lapangan Terbang Mata Kucing, Butterworth. Foto, CHEN YU.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia